

31 JUL 2000

Osu-Jawatan

SEMUA PIHAK BEBAS SUARAKAN PENDAPAT BERHUBUNG SISTEM PENGGILIRAN

KOTA KINABALU, 31 Julai (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini berkata semua pihak bebas menyuarakan pendapat berhubung isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Katanya rakyat di peringkat akar umbi juga boleh menyatakan pendapat mereka berhubung perkara itu melalui anggota Dewan Undangan Negeri di kawasan masing-masing.

"Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) pula boleh menyuarakan pandangan mereka dalam mesyuarat BN atau terus kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas menghadiri upacara meletak kalungan bunga sempena sambutan Hari Pahlawan 2000 di Tugu Peringatan di sini.

Osu, yang juga Pengerusi BN Sabah, berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu baru-baru ini.

Dr Mahathir, ketika berada di Sabah minggu lepas untuk lawatan tiga hari, berkata terpulang kepada rakyat Sabah sama ada mahu meneruskan sistem itu atau sebaliknya.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), juga berkata beliau sedia menerima kehendak rakyat berhubung sistem itu.

Mengikut sistem itu, seorang pemimpin daripada tiga kaum utama -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- akan dilantik sebagai ketua menteri bagi tempoh dua tahun.

Selain Osu, mereka yang pernah dilantik mengikut sistem itu ialah Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang Dipertua Negeri), Datuk Salleh Tun Said, Datuk Yong Teck Lee dan Tan Sri Bernard Dompok.

Jika sistem itu diteruskan, tempoh Osu sebagai Ketua Menteri akan berakhir pada Mei tahun depan.

-- BERNAMA

JS AKD